

**Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD 5 (36)**  
**Tarikh : 14 Mei 2024**  
**Bersamaan : 05 Zulkaedah1445H**

## Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

### **PEKELILING BENDAHARI BIL. 10 TAHUN 2024**

## **KADAR KENAAN DENDA/PENALTI KECUAIAN ATAU PENYALAHGUNAAN FASILITI PENGAJARAN DAN PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar kenaaan denda/penalti kecuaiian atau penyalahgunaan fasiliti pengajaran dan penyelidikan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Justifikasi kenaaan denda kecuaiian atau penyalahgunaan fasiliti pengajaran dan pembelajaran adalah bagi meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban dalam penjagaan aset universiti.

1 of 11

- 2.2 Garis panduan pelaksanaan kenaaan denda/penalti kecuiaan atau penyalahgunaan fasiliti pengajaran dan penyelidikan UMT telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti (JKPAU) Kali Ke-59 Bilangan 1 Tahun 2024 pada 29 Januari 2024.
- 2.3 Manakala penetapan kadar kenaaan denda telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang bersidang pada 23 April 2024; dan
  - b. Mesyuarat Jawatankuasa tetap Kewangan Kali ke-65 (Bil. 2) Tahun 2024 pada 29 April 2024.

### **3. KADAR KENAAAN DENDA/PENALTI KECUAIAN ATAU PENYALAHGUNAAN PENGGUNAAN FASILITI DI UMT**

- 3.1 Kategori atau penyalahgunaan fasiliti yang dikenakan denda/penalti adalah sepertimana berikut:
- a. Menggunakan/mengendalikan peralatan tanpa mengikut prosedur piawaian (SOP) yang ditetapkan;
  - b. Membiarkan peralatan/kelengkapan/fasiliti tanpa pantauan;
  - c. Menggunakan fasiliti tanpa mengikut fungsi yang sebenar;
  - d. Membiarkan fasiliti tidak dibersihkan dan dikemaskan selepas penggunaan;
  - e. Menyalahgunakan kemudahan akses atau masuk tanpa kebenaran;
  - f. Membawa masuk peralatan/bekalan yang tidak dibenarkan;
  - g. Mengubahsuai penempatan asal fasiliti tanpa kebenaran;
  - h. Penggunaan fasiliti tidak direkod;
  - i. Kerosakan fasiliti tidak dilaporkan kepada pegawai bertanggungjawab; dan
  - j. Membuat aktiviti vandalisma.

- 3.2 Kadar kenaaan denda/penalti kecuiaan atau penyalahgunaan penggunaan fasiliti di UMT adalah **minimum RM50.00 atau maksimum tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penilai Kecuaian dan Penyalahgunaan.**
- 3.3 Garis panduan pelaksanaan kenaaan denda/penalti kecuiaan atau penyalahgunaan fasiliti pengajaran dan penyelidikan UMT adalah sepertimana **Lampiran A.**

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya bermula 29 April 2024.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**AZIZAH BINTI HASAN**

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
7. Fail



**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

---

**GARIS PANDUAN KENAAN DENDA/PENALTI  
KECUAIAN ATAU PENYALAHGUNAAN FASILITI  
PENGAJARAN DAN PENYELIDIKAN DI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

---

**GARIS PANDUAN KENAAN DENDA/PENALTI KECUAIAN ATAU  
PENYALAHGUNAAN FASILITI PENGAJARAN DAN PENYELIDIKAN DI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

**5. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai tentang garis panduan kenaaan denda/ penalti kecuaiian atau penyalahgunaan penggunaan fasiliti di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

**6. LATAR BELAKANG**

- 6.1 Setiap tahun Pejabat Bendahari akan membuat pemeriksaan tahunan aset dan akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti (JKPAU). Hasil pemeriksaan mendapati, terdapat aset yang digunakan di makmal rosak disebabkan oleh kecuaiian daripada pelajar.
- 6.2 Oleh itu, mesyuarat bersetuju satu tatacara tambahan dibuat berkaitan kenaaan denda sekiranya berlaku kerosakan aset universiti yang berpunca daripada kecuaiian.
- 6.3 Garis panduan ini dilaksanakan bertujuan untuk mengelakkan perkara ini berulang dan selain daripada itu dapat meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban penjagaan aset di makmal.
- 6.4 garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti (JKPAU) Kali Ke-59 Bilangan 1 Tahun 2024 pada 29 Januari 2024.

## 7. TAKRIFAN

- 3.1 **Pengguna** adalah merupakan sesiapa yang menggunakan fasiliti yang disediakan seperti pelajar, pembantu penyelidik siswazah (GRA), pembantu penyelidik (RA), pensyarah, pelajar praktikal dan pengguna luar.
- 3.2 **Fasiliti** adalah merupakan peralatan, alat radas, bekalan dan ruang kerja.
- 3.3 **UMT** adalah merupakan tempat fasiliti disediakan iaitu Makmal/ Bengkel/ Hatcheri/ Stesen Alami/ Lapangan.
- 3.4 **Penyalahgunaan** adalah merupakan tindakan yang tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- 3.5 **Kecuaian** adalah merupakan tindakan tidak bertanggungjawab dalam menggunakan fasiliti.

## 8. PELAKSANAAN

- 8.1 Kecuaian dan penyalahgunaan fasiliti adalah seperti mana berikut;
- i) menggunakan/ mengendalikan peralatan tanpa mengikut prosedur piawaian (SOP) yang ditetapkan;
  - ii) membiarkan peralatan/kelengkapan/fasiliti tanpa pantauan;
  - iii) menggunakan fasiliti tanpa mengikut fungsi yang sebenar;
  - iv) membiarkan fasiliti tidak dibersihkan dan dikemaskan selepas penggunaan;
  - v) menyalahgunakan kemudahan akses atau masuk tanpa kebenaran;
  - vi) membawa masuk peralatan/bekalan yang tidak dibenarkan;
  - vii) mengubahsuai penempatan asal fasiliti tanpa kebenaran;
  - viii) penggunaan fasiliti tidak di rekod ;

- ix) kerosakan fasiliti tidak dilaporkan kepada pegawai bertanggungjawab;
- x) membuat aktiviti *vandalisme*;

## 8.2 **Penilaian Kecuaian atau Penyalahgunaan dan Tindakan**

- i) Ketua PTj akan melantik Jawatankuasa Penilai Kecuaian dan Penyalahgunaan;
- ii) Pegawai di Makmal/ Pegawai Aset yang bertanggungjawab akan melaporkan bentuk penyalahgunaan atau kecuaiian kepada urusetia Jawatankuasa Penilai Kecuaian dan Penyalahgunaan menggunakan Borang Laporan (Lampiran 1);
- iii) Jawatankuasa Penilai Penyalahgunaan dan Kecuaian akan membuat penilaian dan mengesyorkan cadangan denda/ penalti kepada ketua PTj;
- iv) Ketua PTj akan meluluskan pengesyoran daripada Jawatankuasa Penilai Kecuaian dan Penyalahgunaan;
- v) Hasil keputusan penilaian yang diluluskan oleh Ketua PTj akan dimaklumkan kepada pihak yang berkaitan untuk membuat bayaran denda (sekiranya dikenakan);
- vi) Urusetia Jawatankuasa Penilai Kecuaian dan Penyalahgunaan akan memaklumkan kepada Pejabat Bendahari nama (pelajar) yang dikenakan denda untuk dimuatnaik di dalam Sistem Kewangan Pelajar;
- vii) Carta Alir proses adalah seperti mana Lampiran 2.

### 8.3 Kadar Denda/ Penalti Yang Dikenakan

Kadar denda/ penalti dikenakan seperti mana Jadual 1:

KATEGORI	DENDA/ PENALTI (RM)
Kerosakan peralatan atau fasiliti dan aktiviti vandalisme	Minimum RM50.00 atau maksimum tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penilai Kecuaian dan Penyalahgunaan

*Jadual 1: Kadar Denda/ Penalti*



	<b>BORANG LAPORAN KECUAIAN ATAU PENYALAHGUNAAN FASILITI PENGAJARAN DAN PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)</b>
---	---

### 1. MAKLUMAT PELAPOR

Nama :  
 No Staf : No Telefon :  
 PTj :

### 2. JENIS KECUAIAN DAN PENYALAHGUNAAN

Tandakan yang berkenaan

<input type="checkbox"/>	Menggunakan/ mengendalikan peralatan tanpa mengikut prosedur piawaian (SOP) yang ditetapkan	<input type="checkbox"/>	Mengubahsuai penempatan asal fasilti tanpa kebenaran
<input type="checkbox"/>	Membiarkan peralatan/kelengkapan/fasilti tanpa pantauan	<input type="checkbox"/>	Penggunaan fasilti tidak di rekod
<input type="checkbox"/>	Menggunakan fasilti tanpa mengikut fungsi yang sebenar	<input type="checkbox"/>	Kerosakan fasilti tidak dilaporkan kepada pegawai bertanggungjawab
<input type="checkbox"/>	Membiarkan fasilti tidak dibersihkan dan dikemaskan selepas penggunaan	<input type="checkbox"/>	Membuat aktiviti vandalisme
<input type="checkbox"/>	Menyalahgunakan kemudahan akses atau masuk tanpa kebenaran	<input type="checkbox"/>	Melanggar sebarang peraturan/arahan yang telah digariskan oleh pihak pengurusan fasilti
<input type="checkbox"/>	Membawa masuk peralatan/bekalan yang tidak dibenarkan	<input type="checkbox"/>	Lain-lain (sila nyatakan):

### 3. MAKLUMAT PENGGUNA DAN KETERANGAN KEJADIAN

Nama Pengguna : No.KP/Matriks :  
 Fakulti/ PTj : No. Telefon :  
 Lokasi Kejadian : Tarikh & Masa :  
 Kategori Kecuaian/ :  Kerosakan peralatan  
 Penyalahgunaan :  atau fasilti  
 :  Aktiviti vandalisme

**Keterangan Ringkas Kejadian:**

---



---



---



---

#### 4. SIASATAN JAWATANKUASA PENILAI KECUAIAN DAN PENYALAHGUNAAN

Keterangan Siasatan:

---

---

---

---

Jenis kerosakan :  
Anggaran Kos terlibat :  
(RM)

#### 5. SYOR:

DENDA/PENALTI:  
JUSTIFIKASI:

---

---

---

---

#### KEAHLIAN JAWATANKUASA PENILAI KECUAIAN DAN PENYALAHGUNAAN

Tandatangan	Tandatangan	Tandatangan	Tandatangan
Nama:	Nama:	Nama:	Nama:
Jawatan/ Gred:	Jawatan/ Gred:	Jawatan/ Gred:	Jawatan/ Gred:
Pengerusi	Ahli	Ahli	Setiausaha

#### 6. KELULUSAN KETUA PTJ

Ulasan:

Dengan ini saya BERSETUJU/ TIDAK BERSETUJU dengan pengesyoran daripada Jawatankuasa Penilai Kecuaian dan Penyalahgunaan

---

---

---

Tandatangan:  
Nama:  
Tarikh:  
Cop:

#### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT BENDAHARI

Nama Pengguna : No.KP/Matriks :  
Fakulti/ PTj : No. Telefon :

	MAKLUMAT DENDA	RM
Kategori Kecuaian/ Penyalahgunaan :	Kerosakan peralatan atau fasiliti	
:	Aktiviti vandalisme	

**Carta Alir Proses Penilaian**

